

27 premis tidak bayar cukai RM600,000 disita

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan operasi sita terhadap 27 premis yang gagal menjelaskan cukai taksiran membabitkan jumlah hutang melebihi RM600,000.

DBKL memaklumkan, pelbagai peringatan dan peluang telah diberikan terhadap pemilik premis sebelum tindakan penguatkuasaan itu dijalankan.

Menurutnya, operasi pada Rabu lalu di Parlimen Bandar Tun Razak dilakukan untuk memastikan penghutang tegar cukai taksiran lebih bertanggungjawab.

Katanya, DBKL boleh menyita barangan menerusi Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

“Jika masih gagal, langkah seterusnya adalah menahan dan menjual pegangan premis (Seksyen 151).

“Semua kos operasi pula akan ditanggung oleh pemilik atau penyewa yang liat membayar hutang,” katanya menerusi perkongsian di Facebook.

Justeru DBKL menasihati pemilik premis supaya bertanggungjawab membayar cukai taksiran mengikut masa ditetapkan.

“Ini demi kebaikan bersama. Bila ditanggungkan jumlahnya meningkat dan semakin membebankan.

“Terima kasih kepada yang patuh. Untuk yang masih beralasan, kami akan terus datang sampai selesai,” katanya.